

05 SEP 1997

PELABUR BSKL MUNGKIN BOLEH TERSENYUM

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Pelabur-pelabur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang menyimpan pegangan masing-masing semasa tekanan jualan ekoran manipulasi saham baru-baru ini, mungkin mempunyai sebab untuk tersenyum sekarang.

Syukurlah, dengan langkah-langkah tangkas dan tegas yang diambil oleh kerajaan untuk menghentikan manipulasi ini, sentimen pelabur pulih apabila pengukur pasaran Indeks Komposit meningkat ke tahap tertinggi hari ini pada 824.22 sebelum menjadi stabil dan ditutup 12.37 peratus atau 90.47 mata lebih tinggi, pada 821.59.

Seminggu lalu, BSKL mengejutkan para pelabur dengan satu pengumuman bahawa 100 saham komponen Indeks Komposit akan dijadikan "sekuriti ditanda," bererti dagangan saham akan dihadkan kepada "serahan sebelum jualan".

Peraturan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah bertujuan untuk mengusir keluar manipulator yang meminjam saham dan menjualnya berulang kali dengan niat mencari untung dengan cara menekan pasaran.

Mahathir berkata, peraturan itu adalah bagi membendung manipulasi, bukan spekulasi. Bagaimanapun, peraturan itu telahpun dibatalkan.

Mahathir juga mengumumkan bahawa peminjaman skrip saham bagi tujuan jualan singkat dilarang dan dana-dana tempatan digesa menyokong pasaran.

Pelabur-pelabur asing tulen yang bimbang mulai menjual pegangan saham jangka panjang mereka di pasaran saham, mengakibatkan Indeks Komposit jatuh ke tahap terendah pada 675.15 semalam.

Bagi mengurangkan keresahan di kalangan pelabur tempatan dan juga luar negara dalam seminggu ini, yang ditambah pula oleh berbagai-bagai khabar angin serta tanggapan negatif tentang ekonomi ekoran penurunan nilai ringgit tidak defisit dagangan negara, Perdana Menteri telah mengumumkan langkah-langkah untuk menyelamatkan pasaran.

Sehari sebelum perhimpunan agung UMNO, Mahathir, yang juga Presiden UMNO, mengumumkan pembatalan peraturan mengenai "sekuriti yang ditanda", sambil berkata bahawa beliau berpuas hati bahawa langkah itu telah mencapai tujuannya untuk menghentikan manipulasi dalam pasaran saham.

Beliau juga mengumumkan bahawa beberapa projek raksasa, antaranya projek Empangan Hidroelektrik Bakun, akan ditangguhkan. Pakar-pakar ekonomi menyifatkan langkah ini sebagai kena pada masanya memandangkan dagangan negara yang tidak seimbang dan penurunan nilai ringgit berbanding dolar Amerika.

Ringgit jatuh ke tahap terendah baru berbanding dolar Amerika semalam. Ia ditutup di bawah paras RM3.00 pada 3.0310/3.0360 berbanding 2.9690/40 pada hari sebelumnya.

Imbangan dagangan negara bagi tujuh bulan pertama tahun 1997 menunjukkan defisit berjumlah RM3.6 bilion berbanding defisit RM1.3 bilion yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Ekoran seruan Perdana Menteri supaya pengurus dana dan pelabur institusi tempatan membeli saham dalam pasaran saham, pengurus dana tempatan telah memasuki pasaran untuk membeli saham-saham yang jatuh kepada tahap yang amat menarik iaitu kira-kira 10 kali dari segi pendapatan harga.

Pelabur-pelabur runcit juga mula berpusu-pusu dalam pasaran, menyebabkan jumlah dagangan hari ini meningkat kepada 725.625 juta saham bernilai RM3.447 bilion, iaitu satu jumlah yang tidak pernah dicapai dalam

bulan-bulan kebelakangan ini.

Pemulihan bermula lewat semalam dan berlanjutan hingga ke hari ini, kata seorang penganalisis yang enggan namanya disiarkan.

"Dengan kekuatan begini, beberapa pelabur asing telah membatalkan arahan jualan masing-masing dan menunggu pasaran menjadi stabil sebelum bertindak selanjutnya," kata seorang peniaga.

"Beberapa pelabur asing sedang mengubahsuai portfolio masing-masing dalam jangkaan bahawa pasaran akan pulih dengan kukuh ekoran berita bahawa dana-dana yang lebih besar, terutama yang disokong oleh kerajaan, akan memasuki pasaran," kata seorang penganalisis dari sebuah pusat pembrokeran yang berpangkalan di luar negara.

Menurut penganalisis itu, penubuhan dana berjumlah RM60 bilion bagi menyokong BSKL dan membantu pelabur-pelabur yang terperangkap oleh permintaan menampung margin akan dapat menghalang berlakunya krisis kewangan yang tercetus daripada kejatuhan harga saham yang mendadak.

Usaha ini, katanya, merupakan satu daripada langkah-langkah yang lebih konkrit untuk membantu pasaran dan pada pendapatnya pasaran akan stabil tidak lama lagi. -- BERNAMA

JR KY MA